

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMASHHOKAN PEMBUBARAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

(Bab 55(1))

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM. AL-hamdulillahi Rabbil 'Alamin
Wassalatu Wassalamu 'ala Saiyidina Muhammad Wa'ala alihi Wasahbihi Ajma'in.

DENGAN KURNIA TUHAN, BETA, SULTAN HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT YANG AMAT DI-HORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGERI BRUNEI YANG AMAT BERSINAR, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA LAILA JASA KEBERANIAN GEMILANG YANG AMAT CHERMERLANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA KEBERANIAN LAILA TERBILANG YANG AMAT GEMILANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA SERI LAILA JASA YANG AMAT BERJASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PERWIRA AGONG NEGARA BRUNEI YANG AMAT SETIA, HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE, DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (JOHOR), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (NEGERI SEMBILAN) Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Ta'alok Rantau dan Pesisir-nya.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN

BAHAWASA-NYA ada-lah di-persyaratkan oleh cheraian (1) Bab 55 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila2 masa, dengan Pemashhoran yang di-siarkan dalam Warta Kerajaan membubarkan Majlis Mashuarat Negeri;

DAN BAHAWASA-NYA ada-lah di-persyaratkan oleh cheraian (2) Bab 55 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendak-lah membubarkan Majlis Mashuarat Negeri apabila genap tempoh lima tahun dari tarikh-nya mula bermashuarat sasudah ia-nya di-tubuhkan semula;

DAN BAHAWASA-NYA Majlis Mashuarat Negeri yang ada sekarang ini mula bermashuarat pada Dua Puloh Satu haribulan Disember Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Tiga;

SEKARANG, DARI ITU, BETA pada menjalankan kuasa2 yang di-beri kepada BETA oleh Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, dengan ini MEMASHHORKAN supaya Majlis Mashuarat Negeri bagi Negara Brunei Darussalam di-bubarkan mulai dari Tiga-belas haribulan Februari Sa-Ribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat, bersamaan dengan Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam Sebelas haribulan Jamadilawal Sa-Ribu Empat Ratus Empat.

Di-perbuat pada 13 haribulan Februari, Sa-Ribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat, bersamaan dengan Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam 11 haribulan Jamadilawal Sa-Ribu Empat Ratus Empat.